

PERKONGSIAN ILMU LAMAN HERBA

45 jenis pokok ditaman di SK Seri Sekinchan sejak Ogos tahun lalu

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Projek Laman Herba dan Pertanian Bandar Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Sekinchan, Selangor, mula dilaksanakan pada Ogos 2017.

Ia dinamakan Laman Herba Seri Sekinchan (LHSS) untuk tujuan pendidikan dan pameran, dibahagikan pula kepada tiga kategori iaitu herba ubatan, herba ulaman dan masakan serta herba terapeutik.

LHSS juga mengetengahkan konsep penggunaan bahan kitar semula, kotak penanaman, penggunaan pergola dan laluan refleksologi.

Pegawai Pertanian (Pengembangan dan Keusahawanan), Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM) Mahani Amat

berkata, program itu dijangka mengambil masa selama lima bulan bagi melihat impak pembangunan komuniti yang berterusan.

Beliau berkata, terdapat 45 jenis pokok herba yang ditanam di laman herba ini hasil sumbangan UPM, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), SK Seri Sekinchan dan orang perseorangan.

"Setiap pokok di laman herba dilengkapi dengan tanda nama, info jenis famili pokok dan kegunaan herba secara am. Sudut info laman herba juga dibina bagi memudahkan pelajar dan pelawat mendapatkan maklumat ringkas berkaitan laman herba dengan lebih jelas.

"Selain itu, laman herba ini juga ada bakul kompos yang disediakan untuk menghasilkan



MAHANI memberi penerangan kepada murid SK Seri Sekinchan.



PEGAWAI UCTC UPM (kiri) membantu murid menanam pokok.



MURID tekun mendengar penerangan mengenai khasiat herba.

Bagi menggalakkan aktiviti pertanian bandar dijalankan warga sekolah, pihak UCTC UPM turut menyumbang satu set kit pertanian bandar

MAHANI



kompos organik secara semula jadi dan sebagai sumber baja kepada pokok di laman herba.

"Bagi menggalakkan aktiviti pertanian bandar dijalankan warga sekolah, pihak UCTC UPM turut menyumbang satu set kit pertanian bandar iaitu kaedah penanaman yang mempunyai aliran larutan baja berterusan pada akar tanaman," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran LHSS di SK Seri Sekinchan, baru-baru ini.

Mahani berkata, larutan baja itu disalurkan dari takungan atau tangki terus ke setiap tiub menggunakan pam.

"Ia mengalir ke dalam tiub dan larutan disalurkan kembali ke tangki dari hujung tiub berkenaan serta dikitar semula.

"Kit ini akan menggalakkan aktiviti penanaman dalam kalangan murid sekolah dan sebagai tanda sokongan kepada pihak sekolah di dalam aktiviti pertanian bandar.

"LHSS dan pertanian bandar ini diusahakan seluruh warga SK Seri Sekinchan termasuk guru dan ibu bapa membabitkan 10 pegawai UCTC UPM secara berkala setiap bulan," katanya.

Menurutnya, antara objektifnya adalah membina laman herba melalui pendekatan konsep pendidikan dan pameran.

"Ia juga dapat membangunkan komuniti dalam kalangan warga sekolah melalui perkongsian ilmu bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknikal pertanian.

"Pada masa sama, ia mendekatkan hubungan dan jaringan UPM dengan komuniti melalui pembabitkan pegawai UPM dengan masyarakat serta agensi setempat," katanya.

Katanya, komuniti akan mendapat manfaat hasil dari perkongsian dan pemindahan ilmu yang dijalankan dari segi peningkatan pengetahuan serta kemahiran.